

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

20 APRIL 2021

SELASA




AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	159 PELAJAR DI JOHOR BAHRU DIARAH JALANI SARINGAN COVID -19	2
HARIAN METRO	159 PELAJAR DIARAH DISARING	3
UTUSAN MALAYSIA	LAKUKAN PROSES PEMULIHARAAN SUNGAI KIM KIM SECARA MENYELURUH	4
KOSMO	PUSAT JAGAAN TIDAK KOTA JANJI	5



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN
SELASA - 20/4/21 (M-S 3)

159 pelajar di Johor Bahru diarah jalani saringan Covid-19



Deretan kenderaan memenuhi OSCAC, Pasir Gudang dan Bukit Indah di Johor membawa pelajar dari beberapa sekolah untuk menjalani ujian saringan Covid-19 pada Ahad.

JOHOR BAHRU - Seramai 159 pelajar dari lima sekolah di sekitar Johor Bahru telah diarahkan untuk menjalani saringan Covid-19 pada Ahad.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan berkata, saringan itu dilakukan di Pusat Sententi Penilaian Covid-19 (OSCAC) Pasir Gudang dan Bukit Indah sebagai kawalan bagi memastikan tiada penularan Covid-19 di sekolah yang dikenal pasti.

Bagi setiap warga sekolah yang dilaporkan positif, katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Johor menjalankan surveilan dan saringan kontak rapat bagi mengelakkan penularan. “Kebelakangan ini, Johor merekodkan peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan dalam kalangan warga sekolah membabitkan guru dan pelajar.

“Kebanyakan kes dikesan akibat penularan dalam rumah berikutan aktiviti sosial keluarga apabila ramai ahli keluarga dari jauh bertemu dan

berkumpul,” katanya satu dalam kenyataan pada Isnin.

Vidyananthan berkata, kebanyakan kunjungan keluarga dari jauh itu dikesan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan amalan 3S iaitu elakkan ruang sempit, sesak dan sembang dekat.

“Masih ada keluarga yang mengadakan aktiviti sosial seperti berkumpul di pusat hiburan, kenduri kahwin dan aktiviti riadah secara berkumpulan tanpa mematuhi SOP.

“Johor masih lagi belum berada dalam zon hijau dan kekal melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sekali gus risiko penyebaran wabak tinggi,” katanya.

Vidyananthan berkata lagi, sehingga Sabtu, seramai 59,747 anggota barisan hadapan menerima suntikan imunisasi vaksin Covid-19 dos pertama.

“Daripada jumlah itu, seramai 28,348 orang sudah lengkap menerima dua dos vaksin,” kata beliau.



HARIAN METRO

8 www.hmetro.com.my @hmetromy

Selasa 20.04.2021 | Harian Metro

covid-19

159 pelajar diarah disaring

Penuntut dari lima sekolah di JB diminta jalani ujian kesihatan elak penularan berlaku

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seramai 159 pelajar dari lima sekolah di sekitar daerah ini diarahkan menjalani saringan Covid-19 di One Stop Covid-19 Assessment Centre (OSCAC) Pasir Gudang dan Bukit Indah, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan ber-

kata, langkah itu sebagai tindakan kawalan dijalankan bagi memastikan tiada penularan Covid-19 berlaku di dalam sekolah yang dikenal pasti.

"Bagi setiap warga sekolah yang dilaporkan positif, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan menjalankan surveilans dan saringan kontak rapat bagi memastikan tiada penularan berlaku di dalam sekolah.

"Kebelakangan ini, Johor merekodkan peningkatan kes Covid-19 yang dilapor-

kan dalam kalangan warga sekolah membabitkan guru dan pelajar.

"Kebanyakan kes dikesan akibat penularan di dalam rumah berikutan daripada aktiviti sosial keluarga, di mana ramai ahli keluarga dari jauh bertemu dan berkumpul di dalam rumah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin tular gambar barisan kenderaan memenuhi OSCAC di Pasir Gudang dan Bukit Indah di media sosial mendakwa pelajar beberapa

sekolah dibawa menjalani ujian saringan selepas wabak Covid-19 dikesan tersebar di sekolah berkenaan.

Mengulas lanjut, Vidyananthan berkata, kebanyakan kunjungan keluarga dari jauh itu dikesan dilakukan tanpa mematuhi SOP dan amalan 3S: ruang sempit, sesak dan sembang dekat.

"Masih ada keluarga yang mengadakan aktiviti sosial keluarga seperti berkumpul di pusat hiburan, kendurikahwin dan aktiviti riadah yang lain secara berkumpu-

lan tanpa mematuhi SOP ditetapkan.

"Masyarakat juga hendaklah menghindari buat sementara dari mengadakan program sosial yang akan meningkatkan risiko penularan Covid-19.

"Ini kerana Johor masih lagi belum berada di zon hijau dan masih kekal melaksanakan PKPB, sekali gus risiko penyebaran wabak masih tinggi," katanya.

Sementara itu, Vidyananthan berkata, seramai 59,747 anggota barisan hadapan

sudah menerima imunisasi vaksin Covid-19 satu dos sehingga Ahad lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 28,348 orang sudah lengkap menerima 2 dos vaksin.

"Pelaksanaan fasa 1 ini dijangka selesai pada akhir bulan ini bagi memberi laluan kepada fasa 2 yang dijangka bermula pada akhir bulan ini juga membabitkan golongan rentan seperti warga emas, orang kurang upaya serta bermasalah penyakit kronik," katanya.



UTUSAN MALAYSIA

10 UTUSAN MALAYSIA SELASA 20 APRIL 2021

Dalam Negeri

Lakukan proses pemuliharaan Sungai Kim Kim secara menyeluruh


JOHOR BAHRU: Proses pemuliharaan Sungai Kim Kim perlu dilakukan secara menyeluruh termasuk pemerhatian ke atas anak-anak sungai yang bersambungan dengan sungai induk tersebut selain parti-parti yang mungkin menyumbang kepada pencemaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Sabhat Alam Malaysia (SAM), Meena Raman berkata, langkah itu perlu diperhebat kerana aliran daripada sumber tersebut turut berkemampuan membawa bahan pencemar ke sungai utama.

"Tumpuan perlu diberi kepada anak-anak sungai serta parit yang mengalir ke Sungai Kim Kim. Lagi sekali isu pencemaran kumulatif dan *carrying capacity* sesuatu badan air itu perlu dipertimbangkan kerana kesemua ini menyumbang kepada pencemaran sesuatu sungai," katanya.

Akhir ini memestis laporan muka depan semalam memaparkan keadaan Sungai Kim Kim dan anak sungainya, Sungai Selangkah di Pasir Gudang berada dalam keadaan tenat apabila bacaan Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan Ammonia as N mencatatkan bacaan tinggi.

Hasil analisis makmal bebas terhadap sampel air di kedua-dua sungai yang dilakukan pada 5 Mac lalu itu turut meletakkan Sungai Kim Kim dan Sungai Selangkah dalam Kelas V mengikut



SALAH satu aliran air yang memasuki muara Sungai Kim Kim. Sungai itu diletakkan dalam Kelas V yang dikategorikan sebagai paling tercemar dan tidak sesuai untuk sebarang kegunaan. - UTUSAN/RAJA

Standard Kualiti Air Kebangsaan (NQAS) sebagai paling tercemar dan tidak sesuai untuk sebarang tujuan kegunaan.

Meena berkata, perkara yang perlu ditangani semua pihak adalah setiap sungai

memunyai *carrying capacity* atau keupayaan menampung bahan pencemar yang tertentu sahaja.

"Dari aspek ini pihak berkuasa perlu memetakan kesemua punca pencemar sama ada yang

tetap atau tidak (*point source* dan *non-point source*) dan mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani pencemaran daripada punca tersebut.

Jika dipadati pembangunan industri, penternakan atau ak-

tiviti lain yang mampu mencemarkan sungai, ia perlu dipindahkan," jelas beliau.

Katanya, SAM bimbang dengan situasi Sungai Kim Kim yang membabitkan situasi pencemaran masih serius dan berkemungkinan pemuangan sisa ke dalam sungai daripada industri dan aktiviti lain menyebabkan pencemaran sungai.

Di zon industri, walaupun sesuatu kilang membuang sisa terawat dan mematuhi peraturan, tetapi secara kumulatifnya sisa buangan dari kesemua kilang yang melepaskan sisa ke dalam parit yang mengalir ke sungai tersebut akan meningkatkan beban sungai tersebut.

"Perkara ini lebih meruncing jika ada kegiatan pemuangan haram, sisa toksik dan sisa tidak terawat. Situasi ini sudah pasti menjejaskan kualiti hidup dan kesihatan penduduk," katanya.

Kata Meena, sudah tiba masanya satu pihak berkuasa di peringkat Persekutuan diwujudkan khusus bagi melindungi semua sungai, memandangkan ia merupakan nadi negara dalam bekalan air.

"Suatu pertubuhan contohnya dalam bentuk Lembaga Pengurusan Lembangan Sungai diperlukan untuk menangani semua isu berkaitan kerana kita tahu 95 peratus keperluan air di Malaysia datangnya daripada sungai," katanya.

Bahan buangan cemar sungai

Dari muka 1

"Malah sesetengah bahan pencemar yang jatuh ke dasar sungai menjadi sebahagian daripada sedimen. Ia akan mempunyai implikasi tertentu dan sebagai contoh, bahan organik yang tinggi memerlukan lebih masa untuk terurai sehingga mengakibatkan kejutan mendadak terhadap ekosistem terlarut," katanya.

Jelasnya, air yang tidak bergerak atau bergerak perlahan akan menghalang penguaparan semula sehingga perkara itu memburukkan kualiti air sedia ada tanpa perlu mengambil kira bahan-bahan pencemar lain.

Katanya, saiz sungai juga me-

ainkan peranan penting untuk menerima kadar bahan pencemar yang selalunya tidak diambil kira bagi setiap pembangunan di sesebuah kawasan yang berdekatan dengan sungai.

Beliau juga tidak menolah kemungkinan kewujudan pembangunan terutamanya kawasan industri di Pasir Gudang yang tidak dapat ditampung lagi oleh Sungai Kim Kim dan Sungai Selangkah.

Jelas beliau, sistem perundangan di negara-negara maju mementingkan kapasiti menerima bahan pencemar kepada setiap sungai di kawasan pembangunan.

"Perundangan kita tidak mengambil kira terhadap *car-*

rying capacity sesuatu sungai. Perlu ada penambahan untuk perkerja itu.

"Sungai masih ada peluang untuk pulih secara semula jadi jika ada pencemaran, tetapi jika banyak pencemaran tertumpu di kawasan sama, sungai akan terkesan dengan teruk kerana beban pencemaran tinggi.

"Sebaliknya jika sungai terbit luas, besar dan punca pencemaran tidak teruk, kesan terhadap sungai juga akan kurang terjejas serta tiada masalah mementingkan kapasiti menerima bahan pencemar kepada setiap sungai di kawasan pembangunan.

Beliau berkata, pelaksanaan sistem rawatan industri berpusat mampu meningkatkan kecekapan pengurusan sisa

buangan terutama daripada sektor perindustrian bagi mengawal pencemaran sungai.

Beliau yakin langkah itu dapat pulih secara semula jadi mematuhi piawaian pelepasan sisa buangan ke dalam sungai seperti yang ditetapkan.

Menurutnya, ini juga memudahkan proses pemantauan serta perundangan daripada pihak berkuasa sekiranya berlaku pencemaran.

"Ketika ini kita tidak ada sistem terawal yang betul-betul dapat memastikan sama ada setiap kilang yang terlibat mengikut piawaian ditetapkan atau sebaliknya sebelum mereka melepaskan sisa-sisa ke dalam sungai.

"Buat masa ini kebanyakan kawasan perindustrian di negara ini hanya bergantung kepada sistem rawatan air sisa sendiri di kilang masing-masing yang mungkin tanpa pengawasan maksimum daripada pihak berkaitan," katanya.

Zaki berkata, jika sistem rawatan industri berpusat dilaksanakan, pelepasan sisa haram daripada sesebuah kilang akan dapat dikenal pasti dengan lebih mudah dan cepat sebelum diambil tindakan yang sewajarnya dengan kesalahan dibuat.

Jelasnya, konsep 'mencegah lebih baik daripada merawat' lebih signifikan diperkenalkan kerana proses pemulihan sungai akan mengambil masa lama.



Gagal bayar pampasan akibat kecuaiannya sebabkan bayi melecir Pusat jagaan tidak kota janji

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Sebuah pusat jagaan bayi dan ibu berpantang di Jalan Sutera, Taman Sentosa di sini lepas tangan atas kecuaiannya yang menyebabkan seorang bayi lelaki melecir tahap dua pada November lalu.

Malah, pihak pengurusan pusat jagaan itu sanggup menabur janji kepada pasangan suami isteri bayi terbabit supaya kes itu tidak dipanjangkan agar perniagaan mereka tidak terjejas.

Menceritakan pengalaman pahit yang dialami, seorang suri rumah, Tan Xin Ping, 25, dan suaminya, Oon Yew Hao, 30, memilih pakej berpantang di pusat jagaan itu ketika bayi sulung mereka dilahirkan tahun lalu.

"Saya ambil pakej selama 30 hari dengan harga RM7,733. Pada hari ke-26, saya berada di bilik tiba-tiba seorang pengasuh datang beri tahu anak sulung saya melecir pada bahagian belakang.

"Bila saya tanya, dia cakap tidak tahu, badan saya menggigil bila tengok dia menggelupur, hilang suara tahan sakit, lepas dua jam baru mereka (pengasuh) beri tahu saya.



XIN PING (dua dari kiri) dan Yew Hao serta Thow Siang menunjukkan gambar serta kesan melecir yang dialami anaknya di Pejabat Biro Aduan MCA Pasir Gudang semalam.

"Saya terus hubungi suami dan kami terus bawa ke hospital swasta untuk rawatan lanjut," katanya ketika ditemui di Pejabat MCA, Pasir Gudang di sini semalam.

Xin Ping berkata, selepas dirawat pihak hospital memaklumkan bayinya melecir terkena air panas dan pihak hospital mencadangkan supaya membuat satu laporan polis.

Katanya, dia membuat satu laporan polis berhubung kecuaiannya pusat jagaan itu di Balai Polis Larkin pada pukul 8.57 malam hari sama kejadian iaitu pada 21 November tahun lalu.

"Saya terkejut dan kecewa selepas dua jam anak saya kena air panas, baru mereka beritahu. Masa itu bayi saya tak ada suara dah menangis," katanya. Susulan kejadian itu, pihak

pengurusan pusat jagaan itu mengakui kesilapan mereka dan berjanji untuk membayar pampasan RM45,000 selama setahun secara ansuran.

"Kami bersetuju dengan cadangan mereka untuk membayar pampasan sebanyak RM3,000 sebulan selama setahun. Tetapi kami terima bayaran hanya sebulan dan *refund* serta bil hospital sebanyak RM11,733," katanya.

Namun, pasangan suami isteri itu kesal apabila pusat jagaan itu memberi seribu alasan untuk mengelak daripada melunaskan janji yang sudah dibuat termasuk perjanjian bertulis.

Xin Pin berkata, dia dan suaminya berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pusat jagaan itu selepas dilihat soal-hal tidak malu bertanggungjawab.

Sementara itu, Ketua Biro Aduan Awam MCA Pasir Gudang, Lim Thow Siang berkata, pihaknya memohon pihak pengurusan pusat jagaan itu tampil memohon maaf dan bertanggungjawab atas insiden yang berlaku.

"Isu ini tidak boleh dibuat main-main, pihak yang salah perlu bertanggungjawab," ujarnya.

JKM perlu siasat pusat jagaan bayi

JOHOR BAHRU – Pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menyiasat laporan yang dibuat pasangan suami isteri berhubung kecuaiannya pusat jagaan bayi dan ibu berpantang sehingga menyebabkan bayi baru lahir mengalami kecederaan melecir tahap dua.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Johor, Zaiton Ismail ketika dihubungi berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan dan pemantauan terhadap pusat penjagaan itu.

"Kami baru menerima aduan berhubung kes ini dan saya akan pastikan JKJ menyiasat segera kejadian itu.

"Kita lihat sama ada pusat jagaan ini berdaftar atau tidak dengan JKJ, kita akan ambil tindakan," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Mohd. Padzli Mohd. Zain mengesyorkan laporan yang dibuat wanita berkenaan.

